



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **GENGSTERISME DALAM KALANGAN BELIA INDIA : KAJIAN KES DI PULAU PINANG.**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**JEEVAN A/L MORGAN**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **GENGSTERISME DALAM KALANGAN BELIA INDIA: KAJIAN KES DI PULAU PINANG**

**JEEVAN A/L MORGAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
**MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA<sup>TBainun</sup>**  
**(MOD PENYELIDIKAN)**



ptbupsi

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSVIPS-3/BO 32  
Print : 00 m/s: 1/1

Please tick (v)  
Project Paper  
Masters by Research  
Master by Mixed Mode  
PhD

/

**INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the 15 day of MARCH 2021

**i. Student's Declaration:**

I, JEEVAN A/L MORGAN, M20171000947, FACULTY OF HUMAN SCIENCES (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled GANGSTERISM AMONG INDIAN YOUTHS: CASE STUDY IN PENANG.



is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

  
\_\_\_\_\_  
Signature of the student

**ii. Supervisor's Declaration:**

I \_\_\_\_\_ (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the Institute of Graduate Studies as a \* partial/full fulfillment for the conferment of \_\_\_\_\_ (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

\_\_\_\_\_  
Date\_\_\_\_\_  
Signature of the Supervisor

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: GENGSTERISME DALAM KALANGAN BELIA INDIA  
 \_\_\_\_\_  
 KAJIAN KES DI PULAU PINANG.

No. Matrik / Matric's No.: M20171000947

Saya / I: JEEVAN A/L MORGAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku memberarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandung maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rasmi Rasm 1972 / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandung maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10/8/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** & **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organsasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh lepasan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kepada Maha Esa kerana dengan limpah kurnianya, saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dengan sempurna setelah mengharungi pelbagai cabaran.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia utama projek ilmiah, Dr. Samsudin bin Suhaili, penyelia bersama iaitu Dr. Siti Noranizahhafizah binti Boyman atas bimbingan dan sokongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan projek ini. Teguran dan idea-idea beliau sangat dihargai sehingga saya boleh menyiapkan tesis ini.

Penghargaan seterusnya ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang secara tidak langsung membantu saya memberikan perangsang, idea dan komen sepanjang perjalanan tesis ini.

Khas untuk rakan-rakan seperjuangan, jutaan terima kasih di atas curahan idea, tunjuk ajar dan dorongan kalian. Semoga kita sentiasa diberikan naungan oleh Tuhan bagi meneruskan kehidupan di dunia ini.

Akhir sekali, saya sangat menghargai komitmen yang diberikan oleh informan-informan sepanjang kajian ini. Sudah tentu, tanpa mereka tesis ini tidak akan membawa hasil.

Semoga usaha ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam dunia pendidikan dan perundangan di negara kita. Sesungguhnya kejayaan seseorang itu di dunia dan akhirat hanya dengan ilmunya.

Sekian.





## DEDIKASI

Untuk dewa dan dewi sekalian, khas kepada Dewa Hanuman dan Dewi Saraswathi, jasa tidak terhingga atas memakbulkan doa saya dalam berjaya menyempurnakan penyelidikan sarjana ini.

Untuk nenda En. Supayah dan Pn. Achi yang dihormati, buat ibu bapa, En. Morgan A/L Raman dan Pn. Somazi A/P Supayah yang disayangi, saya ucapkan terima kasih atas segala doa, didikan dan sokongan yang tidak pernah putus dari kecil lagi.

Untuk adinda yang saya cintai Ranjeeta dan Rutteren, sokongan kalian amat abang hargai sehingga akhir hayat.



Untuk barisan pendidik SK. St. Mark dan SMK. St. Mark (khas kepada Guru Tingkatan 6) yang dedikasi sekalian, saya berasa syukur kerana hasil didikan cikgu-cikgu merupakan titik permulaan yang kukuh untuk saya mengecapi kecemerlangan ini.

Untuk rakan-rakan Tingkatan 5, 6 (SMK. St. Mark), rakan upsi (VPVS) dan rakan (Alumni AT-58, 2013) serta rakan-rakan seperjuangan yang saya kenali sekalian, saya sentiasa akan menghargai sokongan padu, motivasi dan kerjasama yang kalian berikan sepanjang saya menyelesaikan tugasani ini.

Untuk warga insan yang saya tidak tersenarai di atas, khas kepada anda, saya tidak akan lupa jasa kalian dalam menanyakan khabar serta perjalanan proses sarjana ini.

Semoga kita mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Terima kasih semua.





## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneliti masalah gangsterisme dalam kalangan belia India di Butterworth, Pulau Pinang. Tujuan kajian ini ialah mengenalpasti bentuk-bentuk gangsterisme, menganalisis faktor-faktor penglibatan belia India dalam gangsterisme dan mencadangkan pendekatan yang sesuai bagi membendung gangsterisme dalam kalangan belia India. Kaedah kualitatif iaitu temu bual berstruktur telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab kesemua persoalan kajian. Selain itu, kaedah snowball telah digunakan dalam usaha mendapatkan informan-informan yang sesuai untuk kajian ini. Seramai lapan orang informan telah ditemu bual yang terdiri daripada tiga orang ahli gangster, seorang peguam, seorang anggota polis, seorang kaunselor sekolah, seorang wakil badan NGO dan seorang waris kepada banduan. Hasil temu bual yang diperolehi telah ditranskripsikan kata demi kata. Data ini kemudiannya telah diaplikasikan dengan Teknik Delphi untuk mendapatkan kesepakatan dalam pendapat pakar. Bagi menyempurnakan analisis kajian, analisis tematik dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan teori tingkah laku devian dan teori Maslow. Didapati bahawa terdapat sembilan bentuk perlakuan gangsterisme, tujuh faktor penglibatan belia India dalam gangsterisme dan empat pendekatan yang sesuai untuk membanteras gangsterisme. Pergaduhan merupakan bentuk gangsterisme yang utama diikuti kegiatan mengutip wang perlindungan, kes pembunuhan, menjual dan mengedar dadah, melepak dan berfoya-foya, kegiatan perjudian, kes rompakan dan kecurian, upacara khas menjadi ahli geng dan perjumpaan tahunan. Faktor kegagalan ibu bapa dalam mengawal anak mereka menjadi faktor sebenar yang menyebabkan belia India melibatkan diri dalam gangsterisme diikuti oleh sikap individu, pengaruh rakan dan individu lain, persekitaran tempat tinggal, tekanan masalah kewangan, kurang memahami dan mematuhi ajaran agama dan desakan dan kesukaran hidup. Ternyata bahawa peranan ibu bapa diikuti peranan institusi agama, peranan penguatkuasa undang-undang dan peranan kerajaan adalah signifikan bagi membanteras gangsterisme dalam kalangan belia India di Butterworth, Pulau Pinang. Kajian ini menjadi satu garis panduan kepada ibu bapa serta pihak berkuasa untuk mengambil tindakan segera dalam usaha menangani gangsterisme.





## GANGSTERISM AMONG INDIAN YOUTHS: CASE STUDY IN PENANG.

### ABSTRACT

This study was conducted to examine the problem of gangsterism among Indian youths in Butterworth, Penang. The aim of this study was to identify the forms of gangsterism, analyze the factors of Indian youths involvement in gangsterism and propose appropriate approaches to curb gangsterism among Indian youth. A qualitative method of structured interviews was applied to obtain information to answer all the research questions. In addition, snowball methods have been used in the search for appropriate informants for this study. Eight informants were interviewed including three gang members, a lawyer, a policeman, a school counselor, an NGO representative and an heir to the inmates. The results of the interview were transcribed verbatim. The analysis of the study was carried out by applying the Delphi Technique to obtain consensus on experts' opinion. To complement the analysis of the study, thematic analysis was performed using the approach of devian behavior theory and Maslow's theory. It was found that there were nine forms of gangsterism, seven factors of Indian youth involvement in gangsterism and four appropriate approaches to combat gangsterism. Fights are a major form of gangsterism followed by money laundering, murder cases, selling and distributing drugs, hanging out, gambling, robbery and theft cases, special ceremony of being a gang member and membership meetings. Furthermore, the factor of failure of parents in controlling their children is the real factor that causes Indian youth to be involved in gangsterism followed by individual attitudes, influence of friends and other individuals, living environment, financial stress, lack of understanding and adherence to religious teachings and pressure and hardship of life. So, it is clear that the role of parents followed by the role of religious institutions, the role of law enforcement and the role of government is significant in eradicating gangsterism among Indian youth in Butterworth, Penang. This study serves as a guide for parents and authorities to take immediate action in addressing gangsterism.





## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>DEDIKASI</b>	v
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b>ABSTRACT</b>	vii
<b>KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>LAMPIRAN</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0    Pengenalan	1
1.1    Latar Belakang Kajian	3
1.2    Pernyataan Masalah	7
1.3    Persoalan Kajian	13
1.4    Objektif Kajian	14
1.5    Kepentingan Kajian	14
1.6    Skop dan Batasan Kajian	14





1.7	Definisi Operasi Kajian	15
1.7.1	Gengster	16
1.7.2	Belia	16
1.7.2.1	Belia India	17
1.7.3	Masyarakat India	17
1.7.4	Gengsterisme	18
1.8	Organisasi Kajian	18
1.9	Penutup	20

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR



2.0	Pengenalan	21
2.1	Definisi Gengster dan Gejala Gengsterisme	23
2.2	Definisi Belia dan Belia India	27
2.3	Latar Belakang Masyarakat India di Malaysia	30
2.4	Bentuk-bentuk perlakuan gengsterisme	33
2.5	Undang –undang Berkaitan Dengan Pembanterasan Gejala Gengsterisme	35
2.5.1	Akta Pertubuhan 1966 (Akta 355)	36
2.5.2	Kanun Tatacara Jenayah Terancang (Pindaan 2016)	37
2.5.3	Kesalahan-kesalahan jenayah terancang yang termaktub dalam Kanun Keseksaan	39
2.6	Penglibatan Belia dalam Gejala Gengsterisme	40
2.7	Kesan Berlakunya Gejala Gengsterisme dalam Kalangan Belia	58





2.8	Pencegahan terhadap Gengsterisme dalam Kalangan Belia	62
2.9	Penelitian terhadap kajian gengsterisme	68
2.9.1	Penelitian Gengsterisme di Malaysia	69
2.9.2	Gengsterisme di Negara-negara Terpilih	77
2.10	Teori-teori yang Berkaitan	87
2.10.1	Teori Tingkah Laku Devian	87
2.10.2	Teori Maslow	90
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	94
2.12	Penutup	96

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	98
3.1	Reka Bentuk Kajian	99
3.2	Lokasi Kajian	101
3.3	Persampelan Kajian	102
3.4	Instrumen Kajian	103
3.5	Tatacara Pemerolehan Data Kajian	105
3.6	Tatacara Penganalisisan Data Kajian	106
3.7	Penutup	107



## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	107
4.1 Profil Informan	109
4.1.1 Kumpulan lengster	109
4.1.2 Kumpulan pakar	113
4.1.3 Kumpulan khas	116
4.2 Bentuk-bentuk lengsterisme	118
4.2.1 Pergaduhan	119
4.2.2 Kegiatan mengutip wang perlindungan	124
4.2.3 Kes pembunuhan	128
4.2.4 Menjual dan mengedar barang terlarang	130
4.2.5 Melepak dan berfoya-foya	135
4.2.6 Kegiatan perjudian	137
4.2.7 Kes rompakan dan kecurian	141
4.2.8 Mengadakan upacara khas untuk menjadi ahli leng	145
4.2.9 Mengadakan perjumpaan tahunan	148
4.3 Faktor belia India terlibat dalam gejala lengsterisme	151
4.3.1 Kegagalan ibu bapa dalam mengawal anak-anak	152
4.3.2 Sikap individu	156
4.3.3 Pengaruh rakan-rakan dan individu lain	161
4.3.4 Persekutaran tempat tinggal	162
4.3.5 Tekanan masalah kewangan	167



4.3.6 Kurang memahami dan mematuhi ajaran agama	170
4.3.7 Desakan dan kesukaran hidup	174
4.4 Langkah-langkah menangani kegiatan gengsterisme	177
4.4.1 Peranan ibu bapa	178
4.4.2 Peranan institusi agama	182
4.4.3 Peranan kerajaan	185
4.4.4 Peranan penguatkuasa undang-undang	188
4.5 Penutup	190

## BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN



5.0 Pengenalan	192
5.1 Rumusan kajian	193
5.2 Dapatan Kajian	194
5.2.1 Bentuk-bentuk gengsterisme	195
5.2.2 Faktor sebenar penglibatan belia India dalam gengsterisme	196
5.2.3 Pendekatan yang sesuai bagi menangani gengsterisme	198
5.2.3.1 Inisiatif- inisiatif pencegahan yang lain	199
5.2.3.2 Program Pembangunan Belia India	207
5.3 Implikasi Teori	209
5.3.1 Teori Tingkah Laku Devian	210





5.3.2 Teori Maslow	211
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	212
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	214
5.6 Kesimpulan	216
5.7 Penutup	218
<b>RUJUKAN</b>	219
<b>LAMPIRAN</b>	





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Statistik kes gengsterisme di Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga Mei 2019	11
4.1 Bentuk-bentuk gengsterisme di Butterworth, Pulau Pinang	119
4.2 Faktor penglibatan belia India dalam Gengsterisme	152
4.3 Langkah-langkah menangani kegiatan gengsterisme	178





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Teori tingkah laku devian	88
2.2 Hierarki keperluan Maslow	91
2.3 Kerangka konseptual tentang masalah gengsterisme dalam kalangan belia di Pulau Pinang	96
3.1 Reka bentuk kajian	100
3.2 Lokasi kajian sekitar daerah Butterworth, Pulau Pinang	119
3.3 Lokasi kajian sekitar daerah Seberang Perai Utara	152





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

## SENARAI LAMPIRAN

A	Teks soalan temu bual untuk informan	227
---	--------------------------------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

JPJKK	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBM	Majlis Belia Malaysia
MIYC	Malaysian Indian Youth Council
NGO	Non-Governmental Organisation
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PDRM	Polis Diraja Malaysia
POCA	Prevention of Crime Act
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
STAGG	Skuad Teknikal Khas Anti Maksiat, Perjudian dan Gengsterisme
URM	Unit Rondaan Bermotorsikal





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

## PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### 1.0 Pengenalan

Cita-cita segenap lapisan rakyat dalam sesebuah negara ialah mempunyai kehidupan yang sejahtera. Dengan adanya kesejahteraan, masyarakat dapat melaksanakan rutin harian dengan tenang bagi meningkatkan pencapaian diri, keluarga dan negara. Malah, kesejahteraan yang wujud ini dapat menyuntik tenaga pihak pemerintah dalam mempelbagaikan perancangan pembangunan negara supaya kemakmuran negara dapat terus dikelakkan. Jelaslah bahawa kesejahteraan adalah wahana utama bagi membolehkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



segala program pembangunan rakyat dapat dilaksanakan dengan sempurna. Suasana hidup masyarakat yang sejahtera, aman dan bebas daripada kehidupan huru hara akan menyediakan ruang yang kondusif kepada pihak pemerintah bagi melaksanakan program pembangunan rakyat secara terancang. Oleh itu, menjadi tanggungjawab seseorang insan untuk memastikan kesejahteraan hidup dapat dipertahankan walau di mana jua seseorang itu berada. Hal ini diperkuatkan lagi oleh (Buerah, 2015: 12) menyatakan bahawa akhlak merupakan perkara penting yang akan menentukan corak dan penampilan individu dalam semua aspek kehidupannya.

Dalam konteks Malaysia, meskipun komposisi penduduk Malaysia terbina daripada pelbagai kaum, etnik, keturunan, budaya dan agama, keharmonian yang wujud dalam kalangan rakyat masih teguh terpelihara. Sifat multikultural ini telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki kepelbagaian pola budaya yang bukan sahaja menjadi aset kepada tarikan dan destinasi pelancongan, tetapi juga menjadi contoh kepada kemakmuran dan kesejahteraan hidup masyarakat berbilang kaum. Dalam rangka memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa dipelihara, Perlembagaan Malaysia yang dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan 1957 telah menjadi panduan kepada seluruh rakyat. Jadi jelaslah bahawa negara Malaysia sangat mengutamakan kesejahteraan negara. Namun begitu, pelbagai masalah telah menular dalam kalangan masyarakat sehingga mengugat kenteraman awam. Malah, saban hari, masalah sosial semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat sehingga menjaskan kesejahteraan rakyat negara Malaysia (Manimala, 2014).





Kesejahteraan negara terganggu apabila belia terlibat dalam permasalahan akhlak yang menyimpang daripada nilai-nilai ketimuran (Tan dan Rohana, 2016). Belia yang sepatutnya menjadi tulang belakang negara ini tidak wajar terjebak dalam pelbagai isu sosial yang salah dari sisi undang-undang. Salah satu isu sosial melibatkan belia ialah isu pengsterisme. Pengsterisme yang diperkatakan ini semakin lama menular dalam kalangan belia khususnya belia India di Malaysia. Misalnya, pada tahun 2017 seramai 43 belia India diberkas oleh pihak polis (Polis Diraja Malaysia, 2019). Selain itu, pengsterisme merupakan rentetan daripada isu-isu moral yang lain seperti gejala lari dari rumah, mencuri, penagihan dadah, melepak dan pelbagai gejala lain (Zaidi Nashir, 2014). Jadi jelaslah bahawa isu belia India yang terlibat dalam pengsterisme ini perlu diteliti dan ditangani kerana belia merupakan tulang belakang negara bagi merealisasikan hasrat negara menjadi negara maju (Tan *et. al.*, 2016). Oleh itu, kajian mengenai pengsterisme dalam kalangan belia India ini adalah penting bagi mencari punca sebenar berlakunya pengsterisme sekaligus mengetengahkan pendekatan yang realistik untuk menyelesaikan masalah pengsterisme ini.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam membincangkan tentang masalah pengsterisme, sejarah kemunculan pengsterisme perlu dilihat dengan teliti supaya masalah itu dapat dikaji dari akar





umbinya. Kewujudan kongsi gelap di Tanah Melayu telah dikesan oleh Francis Light di Pulau Pinang seawal tahun 1794 dan kekacauan yang disebabkan oleh kongsi gelap ini telah dicatat pada tahun 1799. Kongsi gelap di Malaya berasal dari Thian Ti Hui yang juga digelar *Hung League* atau *Triad Society* yang terdapat di Tanah Besar China. Thian Ti Hui yang ditubuhkan di China pada tahun 1674 merupakan organisasi kebajikan rakyat dan penentang Dinasti Ching (Faezah, 2017). Justeru itu, kewujudan gengsterisme melalui perang Larut adalah menerusi dua kumpulan iaitu kumpulan Ghee Hin dan kumpulan Hai San di Perak yang menjadi pemangkin kemasukan orang Cina ke Tanah Melayu sebelum era peperangan dunia pertama (1914- 1918).



Pada tahun 1861 , bekalan timah di Larut terganggu disebabkan oleh tercetusnya Perang Larut yang pertama. Konflik ini berpunca akibat pergaduhan mengenai laluan air ke kawasan perlombongan. Sumber air penting untuk proses perlombongan bijih timah kerana menggunakan kaedah perlombongan palong. Kumpulan Hai San dari Klian Pauh yang tidak berpuas hati telah menyerang kumpulan Ghee Hin di Klian Baru. Gangguan bekalan timah telah menyebabkan pedagang Cina yang telah membuat pelaburan besar di dalam industri perlombongan bijih di Pulau Pinang mengalami kerugian dan mereka telah membuat aduan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat supaya mengambil tindakan untuk memulihkan keadaan. Disebabkan tekanan daripada peniaga-peniaga di Pulau Pinang, Gabenor Negeri-Negeri Selat Kolonel William Orfeur Cavenagh telah campur tangan dan akhirnya memaksa Ngah Ibrahim bertindak menenangkan keadaan. Ngah Ibrahim, bagi





pihak Sultan Perak, dipaksa membayar \$17,447 sebagai ganti rugi kepada kumpulan Ghee Hin. Kedamaian tiba sebentar di daerah Larut (Lizawati, 2015).

Perang Larut berlaku sekali lagi buat kali kedua pada tahun 1865 menyebabkan perdamaian yang berlangsung tidak berpanjangan. Hal ini disebabkan kedua-dua kumpulan masih berdendam di antara satu sama yang lain dan sebarang isu kecil akan menyebabkan perbalahan besar. Selepas empat tahun, Perang Larut kedua meletus berpunca daripada pergaduhan semasa permainan judi melibatkan kumpulan ahli-ahli kongsi gelap. Kumpulan Hai San menawan 14 orang ahli kumpulan Ghee Hin sebagai tebusan, dan akhirnya membunuh 13 orang daripada mereka dengan kejam. Tebusan terakhir berjaya melepaskan diri dan memberitahu kejadian tersebut kepada kumpulannya. Kumpulan Ghee Hin membala dendam dan menyerang perkampungan Hai San. Mereka membakar bangunan di perkampungan berkenaan itu dan membunuh 40 orang penduduk kampung. Sekali lagi, konflik ini menyebabkan bekalan keluar bijih terganggu. Perbalahan kali ini lebih serius dan merebak sehingga ke Seberang Perai dan Pulau Pinang. Malah, perbalahan kali ini, turut disertai oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang lain (Lizawati, 2015).

Selepas beberapa hari kemudian, kedua-dua pihak yang telah keletihan akhirnya bersetuju untuk mengadakan rundingan. Hasil siasatan yang dijalankan pihak berkuasa British mendapati kedua-dua Kumpulan Ghee Hin dan Kumpulan Hai San bersalah kerana mengganggu keamanan Pulau Pinang dan setiap kumpulan dikenakan denda \$





5000 (Lizawati, 2015: 11-19). Ternyata kumpulan Ghee Hin dan kumpulan Hai San merupakan pencetus masalah gangsterisme pada awal abad ke-19 lagi.

Seterusnya, migrasi orang India ke Tanah Melayu bermula pada akhir abad ke-19 dan permulaan abad ke-20 (Thiruselvam, 2016). Isu gangsterisme dalam kalangan masyarakat India bermula sebaik sahaja kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu sehingga sekarang gangsterisme masih berterusan (Dhanabalan, 2016). Pada peringkat awal, masalah gangsterisme tidak begitu serius. Namun, lama-kelamaan gangsterisme semakin menjadi-jadi sehingga menggugatkan kesejahteraan awam (Manimala, 2014). Istilah gangster diberikan kepada remaja India pada tahun 1970-an apabila ramai remaja India terlibat dalam aktiviti salah laku. Pada peringkat awal, pergaduhan dalam kalangan masyarakat India disebabkan oleh faktor hubungan cinta disebabkan gadis-gadis impian yang menjadi rebutan antara dua kumpulan. Kegagalan dalam memiliki gadis impian mampu mencetuskan pergaduhan antara kedua-dua kumpulan (Thiruselvam, 2016).

Masalah pergaduhan berkekalan sehingga tahun 1970-an. Alat senjata yang biasa digunakan semasa pergaduhan adalah seperti kayu, parang, rantai basikal, dan lain-lain alat tajam yang boleh mencederakan seseorang. Malah, dua kumpulan gangster tidak akan tinggal di kawasan sama dan kumpulan-kumpulan gangster juga mempunyai identiti nombor, misalnya di Seberang Perai dan Butterworth menggunakan nombor sebagai identiti kumpulan. Masalah ini berlarutan menjelang tahun 1970 apabila pengaduhan antara dua kumpulan gangster menjadi semakin ketara. Namun begitu, pada tahun 1980,





pengaruh kumpulan gangster mula lumpuh disebabkan ketua-ketua kumpulan ini terlibat dengan penagihan dadah, perkahwinan campuran antara anggota keluarga kumpulan-kumpulan gangster ini (Zaidi, 2014).

Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1990-an, isu gangsterisme menjadi ketara dengan penglibatan remaja-remaja India bersama kumpulan gangster untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai seorang lelaki dewasa atau erti kata lain ialah belia. Masyarakat India ini terlibat dalam aktiviti salah laku dan telah melepassi had kawalan (Rahim Nor, 2013). Pada tahun 1996, terdapat 51 kumpulan gangster telah dikenalpasti oleh pihak polis. Wujudnya satu persoalan bahawa pada abad ke-21 sama ada bilangan kumpulan gangster akan berkurang ataupun akan bertambah (Polis Diraja Malaysia, 1996). Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa perlunya satu kajian berkaitan gangsterisme terhadap belia khususnya belia India bagi mengenalpasti faktor keterlibatan belia India dalam masalah gangsterisme di Pulau Pinang.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kesejahteraan hidup tanpa jenayah sangat penting bagi negara Malaysia kerana jenayah keganasan meningkat seiring dengan perkembangan masyarakat. Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dan menuju ke arah kemajuan.



Kemajuan ini telah mewujudkan persaingan yang tinggi dalam kalangan rakyat dari segi ekonomi, peluang pekerjaan dan status sosioekonomi. Persaingan sebegini menyebabkan kebanyakan belia menyimpang dari norma hidup dan terjebak dalam gejala sosial seperti melibatkan diri dalam gengsterisme (Mahaganapathy Dass et. al, 2014).

Sebenarnya, kumpulan belia ini dibentuk serta disertai oleh belia itu sendiri dalam pelbagai geng seperti Geng 36, Geng 18/04, Geng 36, Geng 08 dan Geng Satu Hati (Polis Diraja Malaysia, 2014). Pembentukan dan penyertaan geng yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah penglibatan belia dalam gengsterisme di negara Malaysia. Belia yang seharusnya turut sama menyumbang kepada negara ini malangnya telah terjebak dalam kegiatan gengsterisme. Hal ini dapat dilihat apabila akhbar-akhbar tempatan seperti Berita Harian, Sinar Harian, Harian Metro telah menyiarangkan beberapa isu gengsterisme melibatkan belia khusus kes melibatkan belia India. Sebagai contoh, terdapat satu kes gengsterisme dilaporkan dalam akhbar *the Star* pada 6 September 2013 telah menyenaraikan ketua-ketua geng yang kebanyakannya terdiri daripada belia India. Terdapat lima orang ketua geng telah dikenalpasti di Pulau Pinang iaitu seorang ketua Geng 04 bernama Prai Bala, dua orang ketua Geng 08, Indran Jiva serta dua orang ketua Geng 36, Sadam dan Satish di Butterworth.

Sinar Harian menerusi laman sesawangnya pada 10 April 2015 telah memaparkan bahawa pasukan polis memperhebatkan usaha memburu 26 samseng dari Geng 04, 08 dan 36 yang dipercayai terlibat dengan aktif dalam pergaduhan berkumpulan di negeri



Pulau Pinang. Ketua Polis Pulau Pinang pada ketika itu iaitu Datuk Abdul Rahim Hanafi mengatakan bahawa gengster ini berusia antara 22 tahun hingga 36 tahun. Golongan samseng ini diburu bagi membantu siasatan kes jenayah kekerasan di Pulau Pinang. Beliau turut mengutarakan bahawa pergaduhan antara kumpulan gengsterisme adalah bermotifkan balas dendam dan satu kes pergaduhan yang berlaku antara dua geng di sebuah restoran di Tanjung Tokong merupakan salah satu peristiwa pergaduhan antara geng. Golongan gengsterisme yang diburu ini dipercayai selalu melakukan jenayah kekerasan di Pulau Pinang dan masing-masing mempunyai rekod kesalahan lampau di bawah kesalahan *Indian Thug Geng* (Berita Harian, Mei 2017).



Seterusnya, akhbar Berita Harian pada 21 Februari 2017 pula, melaporkan bahawa ahli kumpulan jenayah terancang Geng 24 ini telah wujud di Pulau Pinang sejak tahun 2015. Semua tertuduh berada dalam lingkungan umur 24 tahun hingga 55 tahun serta didakwa menjadi ahli Geng 24 sejak 1 Januari 2015 hingga 29 Januari 2017 yang lalu. Malah, semua tertuduh didakwa mengikut seksyen 130V dibawah Kanun Keseksaan (Akta 574). Perkara yang mendukacitakan dalam laporan ini ialah selain belia terdapat seorang bergelar Datuk Seri antara 22 individu yang didakwa terlibat dalam kes gengsterisme (Berita Harian, Februari 2017).

Kes seterusnya berlaku di Georgetown melibatkan lima remaja lelaki yang sebelum ini ditahan disyaki terbabit dalam kes itu dijangka didakwa di mahkamah atas tuduhan membunuh T.Nhaveen. Mengikut pihak polis, suspek berusia 16 hingga 18 tahun



termasuk dua pelajar tingkatan empat dan lima itu direman untuk siasatan lanjut. Dalam kejadian jam 2.10 pagi, lima remaja dilapor memukul Nhaveen dan rakan baiknya, Previen pula dipukul menggunakan topi keledar menyebabkan cedera dan dirawat di Hospital Pulau Pinang (HPP). Malah, Nhaveen mengalami kecederaan parah dilapor turut mengalami kesan koyak pada duburnya akibat ditusuk objek tumpul, selain kesan terbakar di bahunya oleh gengster. Remaja itu koma sejak kejadian berkenaan dan meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang. Hasil bedah siasat mendapati Nhaveen mati akibat kecederaan di kepala kerana dipukul dengan benda tumpul. Malah, siasatan polis mendapati lima remaja yang disyaki terbabit dalam kejadian itu tinggal di kawasan sama dan suka membuli serta memeras ugut. Mereka juga dilapor terbabit dalam kes seorang pekerja kedai serbaneka 24 jam berusia 19 tahun yang cedera dipukul di Jelutong pada 5 Mei 2017 lalu. Jadi jelaslah bahawa begitu banyak kes telah berlaku melibatkan belia sehingga nyawa seorang belia India tergadai dan kesannya bukan sahaja terhadap nyawa belia itu sendiri malahan keluarga belia tersebut juga terpaksa menerima hakikat akan kematian anaknya yang berpunca daripada gejala gengsterisme.

Walaupun pelbagai langkah, dasar, undang-undang seperti Akta Pencegahan Jenayah (Pemindahan dan Pemerluasan 2014), Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah, Seksyen 43 Akta Penubuhan 1966, Seksyen 385 Kanun Keseksaan, Seksyen 147 Kanun Keseksaan, Akta Pencegahan Jenayah 1959, Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 telah diimplementasikan untuk membanteras jenayah keganasan ini namun begitu, gengsterisme terus meningkat dalam kalangan belia.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang menunjukkan bilangan kes gengsterisme melibatkan belia India semakin meningkat di Pulau Pinang, sebanyak 20 kes direkod pada tahun 2014 meningkat kepada 29 kes pada tahun 2018 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 68.97%. Malah, setakat Mei 2019 sebanyak 21 kes direkod (Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang, 2019).

### Jadual 1.1

*Statistik kes gengsterisme di Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga Mei 2019*

**Perkara/Tahun 2014 2015 2016 2017 2018 (Jan-Mei 2019)**

Tangkapan	99	59	37	42	68	45
Nama Geng						
<b>4</b>	17	13	7	16	17	16
<b>8</b>	2	4	6	6	10	5
<b>36</b>	1	2	0	0	2	0
Total	<b>20</b>	<b>19</b>	<b>13</b>	<b>21</b>	<b>29</b>	<b>21</b>

(Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang, 2019)

Selain itu, merujuk kepada kajian-kajian lepas mengenai gengsterisme oleh Fathilah *et. al* (2016), Mahaganapathy Dass *et. al* (2014), Rohayu dan Kamarudin (2010), Vishalache dan Supramaniam (2014), Wan Norhayati (2011), Azizi Yahaya dan Yusof Boon (2008) bukan sahaja dilaksanakan di bahagian selatan dan pertengahan Semenanjung Malaysia malahan, kajian-kajian ini tidak melibatkan pendapat kumpulan



gengster itu sendiri. Lebih-lebih lagi, kajian-kajian lepas ini hanya menjurus kepada pelajar sekolah dan tidak melibatkan mana-mana belia yang lepasan sekolah. Tambahan pula, kajian-kajian lepas tidak menggunakan pakar-pakar bidang dalam mendapatkan satu pendekatan untuk membanteras gejala gengsterisme.

Jelaslah bahawa kajian ini telah menjadi satu persediaan untuk menganalisis semula kajian gengsterisme secara lebih mendalam sekaligus membaiki kelompangan-kelompongan dalam kajian lepas. Segala persoalan yang wujud berkaitan gengsterisme dalam kalangan belia India ini dapat dijawab bukan sahaja dengan mengambil kira pendapat gengster India untuk mencari faktor sebenar penglibatan belia India dalam gengsterisme malahan selepas mendapatkan kesepakatan pandangan pakar dalam membincangkan pembanterasan gengsterisme. Pendekatan teori tingkah laku devian dan teori Maslow turut digunakan untuk mengkaji gengsterisme. Masalah gengsterisme dalam kalangan belia terutamanya belia India perlu diselesaikan secara menyeluruh agar belia India ini akan kembali ke pangkal jalan yang baik dan tidak lagi terjebak dalam kegiatan gengsterisme.





### 1.3 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan seperti berikut:-

1. Apakah bentuk-bentuk gengsterisme yang signifikan berlaku dalam kalangan belia India?
2. Mengapakah belia India terlibat dalam gejala gengsterisme?
3. Bagaimanakah pendekatan yang sesuai dapat digunakan untuk menangani gengsterisme dalam kalangan belia India?

### 1.4 Objektif Kajian



Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk melihat faktor pencetus masalah gengsterisme dalam kalangan belia India di Pulau Pinang. Sementara itu, objektif khusus kajian adalah seperti berikut :-

1. Mengenalpasti bentuk-bentuk gengsterisme yang signifikan dalam kalangan belia India.
2. Menganalisis faktor sebenar yang menyebabkan belia India terlibat dalam masalah gengsterisme.
3. Mengetengahkan pendekatan yang sesuai bagi membendung masalah gengsterisme dalam kalangan belia India.





## 1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian adalah bahagian yang perlu dijelaskan oleh pengkaji tentang harapan daripada hasil kajian yang dijalankan dalam bentuk sumbangan kajian kepada bidang kajian (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Kelompangan-kelompangan dalam kajian lepas menyebabkan penyelidik mengkaji gengsterisme dalam kalangan belia India. Kajian lepas tidak terperinci kepada golongan belia India di Pulau Pinang. Jadi, melalui kajian ini, tiga kepentingan dapat diperolehi iaitu pertama, kajian ini mengenalpasti bentuk-bentuk gengsterisme. Kedua, kajian ini menjelaskan punca-punca berlakunya gengsterisme dalam kalangan belia India. Ketiga, kajian ini mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil dalam mengatasi gejala gengsterisme.



## 1.6 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian bermaksud pengkaji membataskan kajian kepada skop yang berkait dengan masa tertentu, tempat tertentu, dan subjek tertentu. Biasanya tujuan batasan adalah untuk kajian berfokus, memudahkan penyelidik dan penyelia meneliti, supaya tidak menimbulkan persoalan kepada penyelia dan pembaca (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa batasan kajian yang telah digariskan oleh penyelidik. Pertama, kajian ini berfokuskan kepada golongan belia India yang berada di Butterworth, Pulau Pinang sahaja.





Kedua, kajian ini telah dilaksanakan di kawasan Butterworth, Pulau Pinang sahaja. Di samping itu, kajian ini dijalankan untuk membincangkan faktor yang menyebabkan belia India terlibat dalam gangsterisme. Malah, kajian ini memberi penekanan kepada enam faktor utama iaitu faktor individu, faktor keluarga, faktor kawan, faktor persekitaran, faktor kewangan dan faktor agama. Kesemua faktor ini diutamakan berdasarkan kepada kajian literatur. Selain itu, kajian ini juga menggunakan satu teori sahaja iaitu teori tingkah laku devian. Penyelidik hanya menggunakan lapan responden sahaja kerana pelbagai cabaran diharungi dalam menemu bual responden seperti faktor kekangan masa, faktor kerahsiaan identiti gangster dan proses temu janji yang memakan masa yang sangat lama.



## 1.7 Definisi Operasi Kajian

Definisi operasi kajian ialah bahagian yang menjelaskan perkataan tertentu dalam tesis pra lapangan atau kajian keseluruhan yang boleh meragukan pemahaman. Definisi ini bukanlah tempat untuk mendefinisi tajuk kajian, mendefinisikan sesuatu maksud untuk mudah difahami oleh pembaca (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Oleh itu, penyelidik telah mentakrifkan konsep bagi rangkai kata atau disebut sebagai istilah-istilah yang mendasari skop kajian ini.





### 1.7.1 Gengster

Gengster dalam kajian ini merujuk kepada gengster, samseng atau pelaku jenayah yang dilakukan oleh golongan belia secara berkumpulan yang dianggap berlawanan dengan norma-norma atau perbuatan tidak bermoral serta tidak boleh diterima dari segi perundangan (Buerah, 2015).

### 1.7.2 Belia



Di Malaysia, golongan belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun (Wan Ainal Yaqin, 2008). Namun begitu, Rang Undang-undang (RU) Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019, belia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun. Walau bagaimanapun kajian ini akan mengambil had umur antara 15-40 tahun sebagai golongan belia sasaran yang akan dijadikan sebagai informan mengikut pelajar bersekolah umur 15 tahun.



### 1.7.2.1 Belia India

Belia yang berumur dari 15 tahun ke 40 tahun dan beragama Hindu dan berbangsa India (Thiruselvam, 2014).

### 1.7.3 Masyarakat India

Masyarakat India merupakan etnik ketiga terbesar dahulu di Malaysia dan kini menduduki tangga ketiga serta salah satu kaum yang telah menyumbang ke arah pembentukan sebuah masyarakat majmuk di negara kita. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan sebanyak 6.9 juta ialah orang India di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Seperti masyarakat lain, masyarakat India juga kaya dengan ciri-ciri kebudayaan mereka dan masih mengekalkan kebudayaan tersebut sehingga kini (Elangko, 2015). Adat resam yang diamalkan oleh masyarakat India mempunyai banyak persamaan dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Ini jelas terlihat dalam aspek kelahiran dan perkahwinan. Seperti juga masyarakat lain, masyarakat India terdiri daripada pelbagai suku kaum, justeru itu maklumat berikut hanya memaparkan adat resam masyarakat India secara umum (Manimala, 2014).



#### 1.7.4 Gengsterisme

Gengsterisme ialah satu kegiatan yang dilakukan oleh pelaku jenayah atau sekumpulan gengster yang melanggar undang-undang dan norma kehidupan bermasyarakat sehingga mengugat ketenteraman awam (Zaidi Nashir, 2014).

#### 1.8 Organisasi kajian

Struktur organisasi perlu dijelaskan dengan mudah kepada penguji dan pembaca agar dapat memahami isi penulisan kerana penulisan adalah karya ilmiah yang komprehensif dan ditulis dalam jumlah halaman. Bahagian ini menjelaskan secara umum isi setiap bab, sub-bab serta anak sub bab berikut rangkaian hubungan satu dengan lainnya. Sejak awal membaca organisasi kajian, pembaca dan penguji boleh dapat mendapatkan gambaran umum isi.

Organisasi bab merupakan komponen utama dalam menjamin kajian yang dilaksanakan dapat diterangkan dengan lebih berstruktur. Oleh itu, kajian ini dibahagikan kepada lima bab secara keseluruhannya yang melibatkan isi kandungan, dapatan kajian dan item-item penting berkaitan dengan tajuk kajian yang dikaji oleh penyelidik. Organisasi bab juga merupakan elemen utama untuk menerangkan secara terperinci dan





teratur tentang perkara yang dikaji, dianalisis dan dibincangkan dalam kajian ini untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Bab satu mengutarakan tentang pengenalan mengenai gengsterisme dalam kalangan belia di Butterworth, Pulau Pinang. Oleh itu, bab satu ini dipisahkan kepada 10 bahagian yang terdiri daripada pengenalan, pernyataan masalah, latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasi kajian, organisasi kajian dan penutup. Bab dua pula memerihalkan tentang kajian literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu gengsterisme. Kajian literatur ialah kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk yang telah dijalankan oleh para pengkaji sama ada di dalam negara mahupun di luar negara (Wan Norhayati, 2011). Oleh itu, bab dua ini dipisahkan kepada lapan bahagian iaitu pengenalan, gengster, belia, gengsterisme, perkembangan kegiatan gengsterisme, bentuk-bentuk perlakuan gengsterisme, teori tingkah laku devian dan penutup. Bab tiga menerangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini merangkumi lapan bahagian iaitu pengenalan, reka bentuk kajian, lokasi kajian, persampelan kajian, instrumen kajian, tatacara pemerolehan data kajian, tatacara penganalisan data kajian dan penutup.

Bab empat memerihalkan dapatan kajian yang merangkumi enam bahagian iaitu pengenalan, latar belakang dan profil informan, bentuk-bentuk gengsterisme, faktor penglibatan belia India dalam gengsterisme, langkah-langkah menangani gengsterisme





dan penutup. Bab lima menyimpulkan keseluruhan bab kajian. Malah, huraian mengenai implikasi dan cadangan kajian, kesimpulan dijelaskan dalam bab ini.

### 1.9 Penutup

Dalam bab 1 ini, penyelidik telah memberi satu gambaran berkaitan permulaan masalah gangsterisme. Penyelidik telah membincangkan pernyataan masalah, objektif serta persoalan kajian untuk mengkaji masalah gangsterisme ini. Malah, penyelidik turut memerihalkan definisi operasi kajian untuk memudahkan penyelidik mengenal istilah – istilah dalam kajian agar dapat meneruskan kajian dengan sempurna tanpa menghadapi sebarang masalah berkenan dengan istilah–istilah dalam kajian ini. Penyelidik juga menjelaskan perbincangan setiap bab dalam bahagian organisasi bab agar memudahkan penyelia dan pembaca untuk memahami isi penulisan.

